

Memorandum

No. Ruj. : USM. 19/6/i

Tarikh : 8 September 2025

Kepada : Semua Staf Warganegara
Lantikan Tetap & Kontrak
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 39 TAHUN 2025

- ARAHAN PENGISYTIHARAN PEMILIKAN HARTA KEPADA STAF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- i) STAF YANG BAHARU DILANTIK DAN BELUM PERNAH MENGISYTIHAR HARTA
- ii) STAF SEDIA ADA YANG BELUM PERNAH MENGISYTIHAR HARTA
- iii) STAF YANG TIDAK MENGEMAS KINI REKOD PERISYTIHARAN HARTA MELEBIHI TEMPOH LIMA (5) TAHUN
- iv) STAF YANG MEMPEROLEH HARTA BAHARU ATAU MELUPUSKAN SEBARANG HARTA SELEPAS PENGISYTIHARAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 - Pemilikan dan Pengisytiharan Harta oleh Pegawai Awam [No. Ruj. : JPA(S)TT.7076/Jld.7(3)], yang terpakai kepada Staf Universiti Sains Malaysia, telah menetapkan bahawa **semua penjawat awam** termasuklah **staf yang baharu dilantik dan belum pernah mengisytihar harta**, untuk membuat pengisytiharan harta. Manakala **staf sedia ada** dalam perkhidmatan dan **belum pernah mengisytihar harta** juga dikehendaki untuk membuat pengisytiharan harta. Selanjutnya, Pekeliling yang sama menetapkan "**Semua staf dikehendaki untuk membuat pengisytiharan harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun**". Manakala staf yang memperoleh harta baharu atau melupuskan sebarang harta selepas pengisytiharan hendaklah membuat pengemaskinian perisytiharan harta.


3. Dalam hal ini, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Jabatan Perkhidmatan Awam pada 24 Disember 2024 telah mengeluarkan arahan agar setiap staf membuat perisytiharan harta seperti yang diperuntukkan dalam Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) sebagai penekanan mengenai kepentingan integriti dan ketelusan dalam perkhidmatan awam.

4. Sehubungan itu, **semua staf Universiti ini berstatus lantikan Tetap dan Kontrak dikehendaki untuk membuat pengisytiharan atau pengemaskinian harta dengan kadar segera melalui Sistem Pengisytiharan & Pelupusan Harta USM**. Sistem ini boleh dicapai melalui portal 'Campus Online' pada menu 'EHarta'.

5. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada Dr. Khairul Anuar Bin Che Azmi, Penasihat Undang-Undang Universiti (sambungan 6611 atau kaha@usm.my) atau staf Pejabat Perundangan Universiti, Puan Hartini Binti Abdul Ghani, Pembantu Tadbir (P/O) Kanan (sambungan 6608 atau hartinighani@usm.my).

...2/-

Tel. : (6)04 653 3111/2403 ; Emel : azizudin@usm.my ; Web : pendaftar.usm.my



HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 39 TAHUN 2025

- **ARAHAN PENGISYTIHARAN PEMILIKAN HARTA KEPADA STAF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**
 - i) **STAF YANG BAHARU DILANTIK DAN BELUM PERNAH MENGISYTIHAR HARTA**
 - ii) **STAF SEDIA ADA YANG BELUM PERNAH MENGISYTIHAR HARTA**
 - iii) **STAF YANG TIDAK MENGEMAS KINI REKOD PERISYTIHARAN HARTA MELEBIHI TEMPOH LIMA (5) TAHUN**
 - iv) **STAF YANG MEMPEROLEH HARTA BAHARU ATAU MELUPUSKAN SEBARANG HARTA SELEPAS PENGISYTIHARAN**
-


6. Kerjasama dan perhatian semua **staf Warganegara** (lantikan tetap dan kontrak) **Universiti** mengenai perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)
Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Penasihat Undang-Undang

Ketua Jabatan